

**SOALAN LAZIM**  
**KEMPEN CABUTAN BULAN MENABUNG SIMPAN SSPN (BMS) 2023**

**1. Soalan:**

Apakah Kempen Cabutan Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023?

**Jawapan:**

**Kempen Cabutan Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023** diteruskan lagi pada tahun ini bagi meraikan ulang tahun keenam BMS semenjak dilaksanakan pada tahun 2018 yang menawarkan hadiah tunai lumayan dengan jumlah keseluruhan **RM75,000** untuk dimenangi oleh **66 orang pemenang**. Kempen ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada rakyat Malaysia kerana setia memilih Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sebagai pilihan utama untuk membuat simpanan disamping bertujuan untuk meningkatkan bilangan pengguna baharu myPTPTN sekaligus mendidik masyarakat ke arah transaksi secara atas talian.

**2. Soalan:**

Bilakah tempoh Kempen Cabutan Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 bermula?

**Jawapan:**

Tempoh kempen bermula **1 Oktober 2023 sehingga 31 Oktober 2023**.

**3. Soalan:**

Apakah syarat-syarat untuk menyertai kempen **Kempen Cabutan Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023**?

**Jawapan:**

Syarat-syarat untuk menyertai promosi ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada pendeposit **Simpan SSPN Prime** dan **Simpan SSPN Plus** yang **membuka akaun** atau **membuat penambahan simpanan** dalam tempoh kempen;
- ii. Bilangan cabutan adalah berdasarkan kepada setiap **simpanan bersih** bernilai minimum **RM300 bersamaan dengan satu (1) cabutan bagi transaksi berjaya melalui saluran selain myPTPTN** manakala **enam (6) cabutan bagi transaksi berjaya melalui saluran myPTPTN**. Tiada had bilangan cabutan;
- iii. Pendeposit adalah digalakkan untuk melakukan **transaksi melalui aplikasi myPTPTN** untuk mendapatkan ganjaran **cabutan berganda**;
- iv. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
- v. Pendeposit perlu **memastikan akaun Simpan SSPN kekal aktif** dan **akaun Simpan SSPN Plus tiada tunggakan sehingga tarikh cabutan**;
- vi. Sekiranya berlaku kematian pendeposit dalam tempoh kempen, akaun itu masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

**4. Soalan:**

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan pendeposit menyertai **Kempen Cabutan Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023?**

**Jawapan:**

Tidak perlu kerana kelayakan **Kempen Cabutan Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023** ini adalah automatik bagi pendeposit yang layak.

**5. Soalan:**

Bagaimanakah pendeposit boleh membuka akaun/ menambah simpanan **Simpan SSPN Prime** dan **Simpan SSPN Plus**?

**Jawapan:**

Akaun **Simpan SSPN Prime** dan **Simpan SSPN Plus** boleh dibuka/ ditambah melalui aplikasi mudah alih myPTPTN, [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my), di kaunter cawangan PTPTN, atau melalui ejen-ejen sah yang telah dilantik.

**6. Soalan:**

Jika akaun Simpan SSPN pendeposit TIDAK AKTIF dan mempunyai nilai tunggakan bagi akaun Simpan SSPN Plus, adakah pendeposit tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

**Jawapan:**

**TIDAK LAYAK.** Pendeposit perlu memastikan akaun Simpan SSPN kekal aktif dan akaun Simpan SSPN Plus tiada nilai tunggakan sehingga tarikh cabutan.

**7. Soalan:**

Jika pendeposit meninggal dunia, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

**Jawapan:**

**LAYAK.** Tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

**8. Soalan:**

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk promosi ini?

**Jawapan:**

Pemenang kempen akan memenangi hadiah tunai seperti berikut:

Hadiah	Bilangan Hadiah
Utama : Tunai bernilai RM10,000	1 pemenang
Saguhati : Tunai bernilai RM1,000	65 pemenang
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>66 pemenang</b>

**9. Soalan:**

Bilakah tarikh cabutan?

**Jawapan:**

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat tempoh cabutan. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

**10. Soalan:**

Bagaimakah makluman kepada pemenang **Kempen Cabutan Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023** akan dibuat?

**Jawapan:**

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

**11. Soalan:**

Bilakah hadiah tunai akan dikreditkan kepada pemenang?

**Jawapan:**

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan. Pelarasan **hadiah tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime** pendeposit yang dibuka untuk diri sendiri. Jika pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime yang dibuka untuk diri sendiri, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran sedia ada pendeposit di akaun Simpan SSPN Prime atau Simpan SSPN Plus.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh **Kempen Cabutan Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023**.

*Maklumat dikemaskini pada 14 September 2023*